



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PEMERKASAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS)

PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK (PPsi)

-  Kaedah yang digunakan secara sistematik untuk mengumpul maklumat yang menggambarkan tret psikologi.
-  Tret psikologi yang diukur merangkumi aptitud dan personaliti murid.
-  Hasil dapatan PPsi dapat digunakan untuk membantu mempertingkatkan pembelajaran murid.
-  PPsi menggunakan instrumen pentaksiran yang tidak berasaskan kurikulum dan proses pengajaran dan pembelajaran.
-  PPsi mengukur kebolehan semula jadi (innate ability) dan kebolehan yang diperoleh (acquired ability) daripada pengalaman dan persekitaran



Mengenal pasti / menilai kesiediaan, potensi, kesesuaian dan meramal kejayaan murid

Mengumpul data yang boleh menyumbang kepada maklumat profil murid.

Profil murid berperanan sebagai sumber maklumat


gambaran jenis bidang atau aliran yang sesuai

murid dan ibu bapa mengenali personaliti

murid menyedari potensi/ kekuatan dan kelemahan diri

guru merancang pengajaran dan pembelajaran

murid merancang hala tuju kerjaya



TUJUAN DAN KOMPONEN PELAKSANAAN PSIKOMETRIK



Kebolehan semula jadi dan Kebolehan diperolehi

§ Minat

§ Sikap

§ Personaliti

§ Kecenderungan

§ Kemahiran Berfikir

§ Kemahiran Menyelesaikan Masalah



Membantu membuat keputusan yang praktikal atau realistik



Memberi maklumat kerjaya yang lebih luas dan tepat



Memahami secara lebih mendalam keadaan semula jadi dan perbezaan individu



Mendapatkan deskripsi yang tepat mengenai diri individu atau kumpulan.

APTITUD AM	APTITUD KHUSUS	TRET	MINAT KERJAYA
Mengukur kebolehan minda seperti kemahiran verbal dan kemahiran menaakul	Maklumat tentang struktur kecerdasan serta minat atau kecenderungan murid	Mengenal pasti personaliti, kebolehan dan potensi murid	Mengukur minat, kecenderungan, potensi dan tahap kematangan kerjaya murid



PELAKSANAAN PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK (PPsi) KALENDAR AKADEMIK TAHUN 2022/2023 SEKOLAH RENDAH

BIL	2021/2022	2022/2023	SASARAN
1	-	Aptitud Am	Tahun 4
2	-	Aptitud Khusus : Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKP)	Tahun 5
3	Aptitud Khusus : Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKP)	Aptitud Am	Tahun 6
4	Inventori Pentaksiran Pendidikan Khas (IPPK)	Inventori Pentaksiran Pendidikan Khas (IPPK)	MBPK sekolah rendah yang akan ke sekolah menengah



PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK (PPsi) KALENDAR AKADEMIK TAHUN 2022/2023 SEKOLAH MENENGAH

BIL	2021/2022	2022/2023	Sasaran
5	Inventori Minat Kerjaya (IMK) Inventori Tret Personaliti (ITP)	Inventori Minat Kerjaya (IMK)	Tingkatan 1
6	-	Inventori Tret Personaliti (ITP)	Tingkatan 2
7	Inventori Minat Kerjaya (IMK)	Inventori Minat Kerjaya (IMK)	Tingkatan 3
8	Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKP)	Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKP)	
9	Inventori Tret Personaliti (ITP) (Dalam talian)	Inventori Kemahiran Insaniah (Wajib) Inventori Tret Personaliti (Pilihan - online) Inventori Kematangan Kerjaya (Pilihan)	Tingkatan 4
10	Inventori Kematangan Kerjaya (IKK)	Inventori Minat Kerjaya	Tingkatan 5

MAKLUMAT INVENTORI PPsi

Aptitud Am :

Satu ujian untuk menguji Logik pemikiran manusia Yang melihat dari kategori Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik



1



Inventori Tret Personaliti (ITP)

Mengenal pasti personaliti murid yang boleh diketengahkan daripada segi kepimpinan, kepelbagaian, resilien dan mengenal pasti murid yang perlu dibantu daripada segi agresif, kritik diri dan introvert.

Aptitud Khusus : Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKP)

Membantu guru subjek untuk mengenal pasti gaya pembelajaran murid untuk digunakan dalam PdP.



2



Inventori Minat Kerjaya (IMK)

Tingkatan 1 – Pendedahan kecenderungan
Tingkatan 3 – Pemilihan aliran menengah atas
Tingkatan 5 – Pemilihan program universiti

4

APTITUD AM TAHUN 4



Calon

Murid Tahun 4



Format

Bilangan item: 80 item MCQ

- a) Aptitud Bahasa Melayu (30 item)
- b) Aptitud Bahasa Inggeris (30 item)
- c) Aptitud Matematik (20 item)



Masa: 1 jam 30 minit

Konstruk

Domain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris:

- (i) Kemahiran perkataan
- (ii) Kemahiran konsep verbal
- (iii) Kemahiran aplikasi kritikal

Domain Matematik:

- (i) Sistem Numerik
- (ii) Penaakulan matematik dan membuat persepsi
- (iii) Penyelesaian masalah



APTITUD KHUSUS : INVENTORI KECERDASAN PELBAGAI (IKeP) TAHUN 5

Calon

Murid Tahun 5

Format

Bilangan item: 90

10 item bagi setiap konstruk

Respon: Ya/Tidak

Masa: 45 minit

Konstruk

(i)	Verbal Linguistik	(ii)	Logik Matematik
(iii)	Intrapersonal	(iv)	Interpersonal
(v)	Visual ruang	(vi)	Naturalis
(vii)	Kinestatik	(viii)	Muzik
(ix)	Eksistensial		

APTITUD AM TAHUN 6



Format

Bahagian A: Persepsi

Kecerdasan Pelbagai: 90 item

Bahagian B: Kecekapan


Penaakulan dan Penyelesaian Masalah: 30 item

Masa: 1 Jam 30 Minit



Calon

Murid Tahun 6



Konstruk – Bahagian A

- Verbal Linguistik
- Logik Matematik
- Intrapersonal
- Interpersonal
- Visual ruang
- Naturalis
- Kinestatik
- Muzik
- Eksistensial



Konstruk – Bahagian B

- Kemahiran Menaakul
- Kemahiran Menyelesaikan Masalah

INVENTORI MINAT KERJAYA (IMK)



Calon

Murid Tingkatan 1, Tingkatan 3 dan Tingkatan 5



Konstruk

- (i) Realistik
- (ii) Investigatif
- (iii) Artistik
- (iv) Sosial
- (v) Enterprising
- (vi) Konvensional



Format

Bilangan item: 180

3 bahagian:


Bahagian A: Kesukaan

Bahagian B: Pekerjaan

Bahagian C: Kecekapan

Respon: Ya/Tidak

Masa: 30-40 minit



APTITUD KHUSUS : INVENTORI KECERDASAN PELBAGAI (IKP) TINGKATAN 3



Format

Kertas 1: Kecekapan

Bahagian A:

Verbal Linguistik BM dan BI: 40 item (MCQ)

Bahagian B: Logik Matematik: 20 item (MCQ)

Visual ruang: 10 item (MCQ)

Masa: 1 jam 50 minit



Kertas 2: Persepsi

Bilangan item: 130 item

Masa: 45 minit

Respon: Ya/Tidak



Calon

Murid Tingkatan 3



Konstruk

- i. Verbal Linguistik
- ii. Logik Matematik
- iii. Intrapersonal
- iv. Interpersonal
- v. Visual ruang
- vi. Naturalis
- vii. Kinestatik
- viii. Muzik
- ix. Eksistential



INVENTORI TRET PERSONALITI (ITP)



Calon

Murid Tingkatan 2 dan Tingkatan 4



Format

Bilangan item: 150

Respon:

Ya/Tidak

Masa: 30 minit

15 konstruk



Konstruk

- i. Autonomi
- ii. Kreatif
- iii. Agresif
- iv. Ekstrovert
- v. Pencapaian
- vi. Kepelbagaian
- vii. Intelektual
- viii. Kepimpinan
- ix. Struktur
- x. Resilien
- xi. Menolong
- xii. Analitikal
- xiii. Kritik diri
- xiv. Wawasan
- xv. Ketelusan

INVENTORI KEMATANGAN KERJAYA (IKK)

Calon

Murid Tingkatan 5

Format

Jumlah item: 50

25 item domain sikap

25 item domain kecekapan

Masa: 1 jam



Konstruk

Sikap:

- (i) Kenal diri sendiri
- (ii) Maklumat pekerjaan
- (iii) Pemilihan matlamat pekerjaan
- (iv) Rancangan kerjaya
- (v) Penyelesaian masalah

Kecekapan:

- (i) Ketentuan membuat keputusan kerjaya
- (ii) Penglibatan dalam membuat keputusan kerjaya
- (iii) Kebebasan dalam membuat keputusan kerjaya
- (iv) Orientasi dalam membuat keputusan kerjaya
- (v) Kompromi dalam membuat keputusan kerjaya

INSTRUMEN PSIKOMETRIK PENDIDIKAN KHAS (IPPK)

01

Calon

Murid pendidikan khas sekolah rendah

02

Format

3 Inventori

- (i) Inventori Minat Kerjaya Pendidikan Khas (IMKPK)
- (ii) Inventori Kecerdasan Pelbagai Pendidikan Khas (IKPPK)
- (iii) Inventori Kecerdasan Emosi Kendiri Pendidikan Khas (IKEKPK)

Tempoh: 1 bulan

03

Konstruk

Inventori Minat Kerjaya Pendidikan Khas (IMKPK)
(Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising*, Konvensional)

Inventori Kecerdasan Pelbagai Pendidikan Khas (IKPPK)
(Verbal Linguistik, Logik Matematik, Intrapersonal, Interpersonal, Visual ruang, Naturalis, Kinestatik, Muzik, Eksistensial)

Inventori Kecerdasan Emosi Kendiri Pendidikan Khas (IKEKPK)

- (i) Kesedaran sendiri - Kesedaran emosi, Penilaian sendiri
- (ii) Regulasi sendiri - Kawalan sendiri, Kebolehsuaian
- (iii) Motivasi Kendiri - Dorongan pencapaian, Optimis



CONTOH PENYATA IMK DAN ITP (ITP)

PELAPORAN PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK
TINGKATAN 1
TAHUN 2022

NAMA
NO PENGENALAN DIRI
NAMA SEKOLAH
NAMA KELAS



Skor Keputusan Inventori Tret Personaliti (ITP)

TARIKH	AUT	KTF	AGF	EKT	PCP	KPG	ITL	KPN	STR	RSL	MLG	ATL	KD	WSN	KTN
26-11-2021	80%	99%	70%	30%	99%	40%	80%	80%	90%	90%	99%	99%	60%	70%	60%

Kod Dan Skor Keputusan Inventori Minat Kerjaya (IMK) - (R,I,A,S,E,K)

Tarikh	Tiga Mata Holland	Kod	Indeks Perbezaan
24-11-2021	S: 25 K: 24 E: 21	SKE	17

ULASAN

Bidang 1: SOSIAL

Pilihan Kerjaya : Guru, Kaunselor, Pegawai Perhubungan Awam, Penyambut Tetamu, Pegawai Kebajikan, Jururawat, Paramedik, Pemandu Pelancong

Analisis : Suka Menolong, Bekerjasama, Mesra, Peramah, Sabar.

Bidang 2: KONVENSIIONAL

Pilihan Kerjaya : Kerani, Setiausaha, Guru Perdagangan, Guru Perakaunan, Akauntan, Jurutengkas, Pegawai Bank, Pegawai Cukai, Penilai Harta, Juruaudit, Juruwang Dan Pegawai Perangkaan.

Analisis : Berstruktur Tinggi, Teliti, Daya Tahan Tinggi, Akur.

Bidang 2: ENTERPRISING

Pilihan Kerjaya : Usahawan, Spekulator, Eksekutif Pemasaran, Ejen Insuran, Peguam, Ahli Politik, Pengurus Kewangan, Jurujual, Ejen Pelancongan.

Analisis : Suka Mempengaruhi, Memanipulasi, Bijak Berkomunikasi.

Nota:

* Indeks Perbezaan = Markah Holland Tertinggi - Markah Holland Terendah

Penerangan Inventori Tret Personaliti (ITP)

KONSTRUK ITP	SEDERHANA (40%-60%)	TINGGI (70%-99%)
AUTONOMI	Seorang yang mempunyai ciri-ciri autonomi pada tahap sederhana dari segi keakuratan, kebebasan, berdiskusi dan mengawal aktiviti harian.	Seorang yang suka kebebasan sepenuhnya dalam segala tindakan, sangat berdiskusi dan yakin dalam membuat keputusan
KREATIF	Seorang yang mempunyai ciri-ciri kreatif pada tahap sederhana.	Seorang yang mempunyai daya imaginasi yang tinggi, banyak idea, boleh menghasilkan karya kreatif yang original dan tidak suka kerja yang berstruktur.
AGRESIF	Seorang yang asertif atau mempunyai ketegasan diri. Dalam kebanyakan hal, anda selalunya menuntut hak anda tetapi pada masa yang sama anda tetap menjaga hati dan perasaan orang lain.	Seorang individu yang agresif. Anda berani dan suka mengkritik orang lain. Dalam kebanyakan hal, hati dan perasaan orang lain bukanlah merupakan tumpuan anda, yang penting ialah hajat dan matlamat anda tercapai.
EXTROVET	Seorang yang bersederhana dalam pergaulan sosial: Berpada-pada dalam menjalin hubungan dengan persekitaran. Biasanya, rakan-rakan anda seairan dengan anda.	Seorang yang peramah, suka bergaul (out-going), bekerja dalam kumpulan, suka menghadiri majlis keramaian, yakin bercakap di hadapan orang ramai dan bersikap positif.
PENCAPAIAN	Seorang yang mempunyai tahap motivasi dan pencapaian yang sederhana.	Seorang yang sangat bermotivasi, sukan persaingan dan berorientasikan kecermatan.
KEPELBAGAIAN	Seorang yang mempunyai tahap kepelbagaian yang sederhana. Anda seorang yang kurang fleksibel, sederhana anjal dan mengambil masa untuk melakukan perubahan.	Seorang yang suka kepada perubahan dan perkara-perkara baru. Kerja-kerja rutin sangat membosankan anda.
INTELEKTUAL	Seorang yang mempunyai tahap sederhana dari segi aktiviti yang mencabar minda, ilmu pengetahuan, akademik dan ilmiah.	Seorang yang suka kepada aktiviti yang mencabar minda dan berbentuk keilmuan, mempunyai daya ingin tahu yang tinggi.
KEPIMPINAN	Seorang yang mempunyai tahap kepimpinan yang sederhana. Hanya boleh memimpin kumpulan-kumpulan kecil.	Seorang yang mempunyai ciri kepimpinan yang tinggi, tegas, bijak membuat keputusan dan suka menjadi ketua. Anda juga mempunyai inisiatif, daya penggerak yang tinggi dan boleh mempengaruhi orang lain.
STRUKTUR	Seorang yang mempunyai ciri personaliti struktur di tahap sederhana.	Seorang yang suka kepada perkara berstruktur, rutin dan terperinci. Lebih gemarkan kerjaya yang memerlukan kekemasan, peraturan, ketelitian dan berulang-ulang.
RESILEN	Seorang yang mempunyai ciri-ciri ketahanan psikologi pada tahap sederhana (Ada sifat cuba jaya dan ikhtiar)	Seorang yang mempunyai daya ketahanan yang tinggi dari aspek fizikal, mental dan emosi serta akan menghabiskan semua tugas yang diberikan. (Semangat juang yang tinggi, berjiwa kental, asertif tinggi, ikhtiar bersungguh-sungguh, dan berkobar-kobar)
MENOLONG	Seorang yang mempunyai ciri-ciri menolong di tahap sederhana (Simpati dan penglibatan dalam aktiviti kebajikan di tahap sederhana)	Seorang yang mempunyai sifat empati yang tinggi, prihatin, peka, mudah menghulurkan bantuan secara sukarela.
ANALITIKAL	Seorang yang tahap kepekaan dan pemerhatian terhadap persekitaran adalah sederhana. Seorang yang teoritik dan praktikal.	Seorang yang peka terhadap persekitaran, suka membuat pemerhatian dan menganalisis diri sendiri, orang lain, dan persekitaran. (Perlu bukti sahih dan berasaskan fakta)

KRITIK DIRI	Seorang individu yang stabil dari aspek emosi dan psikologi. Seorang yang suka muhasabah diri, kenal pasti kekuatan & kelemahan serta sentiasa mempertingkat kemajuan diri.	Seorang yang sering berasa rendah diri, bimbang, rasa bersalah, resah dan cemas terhadap apa yang dilakukan. Individu yang mendapat skor melebihi 80% dicadangkan berjumpa guru kaunseling.
WAWASAN	Seorang yang selesa dan berpuas hati dengan pencapaian dan keadaan semasa. (Matlamat dan objektif setakat ada sahaja, tiada enthusiasm: Anda individu berjaya)	Seorang yang mempunyai daya imaginasi dan cita-cita yang tinggi, serta dapat menjangkau pandangan yang jauh. Anda mempunyai hala tuju, visi dan misi yang jelas. (Saya yang menentukan masa: Anda individu yang cemerlang)
KETELUSAN	50%-99% Seorang yang tidak telus ketika memberi maklum balas terhadap item-item inventori. Dapatan tret personaliti tidak menepati personaliti diri sendiri. Ketelusan individu digambarkan dengan skor yang rendah.	

Interpretasi Skor Inventori Tret Personaliti (ITP)

INTERPRETASI SKOR	SKOR DALAM PERATUS
TINGGI	70% hingga 99%
SEDERHANA	40% hingga 60%
RENDAH	1% hingga 30%

Penerangan Inventori Minat Kerjaya (IMK)

PERSONALITI	PENERANGAN
REALISTIK	Persekitaran pekerjaan yang memerlukan kemahiran praktikal dan mekanikal Bekerja dengan objek, peralatan, mesin, haiwan dan tumbuhan. Mempunyai kemahiran yang baik apabila menggunakan peralatan, lukisan mekanikal, mesin atau haiwan. Menghargai objek praktik yang boleh dilihat dan disentuh. Lebih suka bekerja di luar bangunan.
INVESTIGATIF	Persekitaran pekerjaan yang memerlukan kemahiran menyidik, saintifik, intelektual, analitis dan mementingkan ketepatan. Suka membuat pemerhatian, mempelajari sesuatu, membuat penyelidikan, menganalisis, menilai dan menyelesaikan masalah. Menghargai sains dan matematik. Melihat diri sendiri sebagai tepat, saintifik dan intelektual serta meminati kerjaya saintifik dan beberapa kerjaya bercorak teknikal.
ARTISTIK	Persekitaran pekerjaan yang memerlukan daya intuitif yang tinggi, ekspresif, original, bebas, kreatif, inovatif dan artistik. Suka bekerja dalam situasi yang kurang berstruktur, tidak rutin dan tidak berulang-ulang. Mempunyai apresiasi yang tinggi dan menghargai hasil seni kreatif.
SOSIAL	Persekitaran pekerjaan yang memerlukan interaksi, kerjasama, kolaborasi, saling membantu, melatih dan membuat kebajikan kepada orang lain. Mempunyai kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang lain. Suka kepada aktiviti membantu, memberi perkhidmatan dan menyelesaikan masalah sosial.
ENTERPRISING	Persekitaran pekerjaan yang melibatkan pentadbiran dan pengurusan, perniagaan dan keusahawanan. Wujudnya suasana pengaruh-mempengaruhi, mengarah, memimpin dan mengurus individu lain serta menjual barangan atau idea. Matlamat akhir mereka adalah untuk mencapai keuntungan organisasi dan keuntungan ekonomi.
KONVENSIIONAL	Persekitaran pekerjaan berstruktur dan teratur yang melibatkan data, nombor dan kerja-kerja perkeranian. Melakukan kerja secara terperinci mengikut peraturan dan arahan.



CONTOH KEPUTUSAN APTITUD KHUSUS : IKEP TAHUN 6 DAN INVENTORI KEMATANGAN KERJAYA



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PENYATA KEPUTUSAN PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK UJIAN APTITUD TAHUN 6 INVENTORI KECERDASAN PELBAGAI (iKeP) TAHUN 2016

KOD SEKOLAH
NAMA SEKOLAH
NAMA MURID
NO KAD PENGENALAN
TAHUN

BIL	KONSTRUK	SKOR	%
1	VERBAL LINGUISTIK	«VL»	«VL1»
2	LOGIK MATEMATIK	«LM»	«LM1»
3	INTRAPERSONAL	«INTRA»	«INTRA1»
4	VISUAL RUANG	«VR»	«VR1»
5	NATURALIS	«NAT»	«NAT1»
6	INTERPERSONAL	«INTER»	«INTER1»
7	KINESTETIK	«KINE»	«KINE1»
8	MUZIK	«MUZIK»	«MUZIK1»
9	EKSISTENSIAL	«EKSIS»	«EKSIS1»

INTERPRETASI

75%-100%	Tinggi
50%-74%	Sederhana
0%-49%	Rendah

PENERANGAN INVENTORI KECERDASAN PELBAGAI (iKeP)

KONSTRUK	PENERANGAN
VERBAL LINGUISTIK	Keupayaan seseorang individu menggunakan bahasa, memahami maklumat dan memberi respon dalam pelbagai bentuk set komunikasi.
LOGIK MATEMATIK	Keupayaan seseorang menggunakan nombor dalam kehidupan seharian untuk membuat penyelesaian secara logikal.
VISUAL RUANG	Keupayaan individu mengguna, menganggar dan menginterpretasi ruang.
MUZIK	Keupayaan individu menghargai, menghayati dan mengubah muzik.
NATURALIS	Keupayaan individu mengenalpasti, menghargai alam semulajadi.
INTRAPERSONAL	Keupayaan individu memahami dan menilai kekuatan, kelemahan, bakat dan minat sendiri.
INTERPERSONAL	Keupayaan individu berkomunikasi, berinteraksi dan bekerjasama dengan orang lain.
KINESTETIK	Keupayaan individu melakukan aktiviti yang melibatkan anggota tubuh badan dalam menyelesaikan masalah.
EKSISTENSIAL	Keupayaan individu memahami kewujudan fitrah manusia serta alam lain.

TANDATANGAN
NAMA PENYELARAS
TARIKH

DISAHKAN OLEH
(Guru Besar)



PELAPORAN PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK INVENTORI KEMATANGAN KERJAYA (IKK) TINGKATAN 5 TAHUN 2016

KOD SEKOLAH
NAMA SEKOLAH
NAMA MURID
NO. PENGENALAN DIRI
KELAS

BIL	DOMAIN SIKAP	SKOR	JUMLAH	PERATUS	INTERPRETASI
1	Ketentuan dalam membuat keputusan kerjaya	3	11	44	RENDAH
2	Penglibatan dalam membuat keputusan kerjaya	1			
3	Kebebasan dalam membuat keputusan kerjaya	4			
4	Orientasi dalam membuat keputusan kerjaya	1			
5	Kompromi dalam membuat keputusan kerjaya	2			
BIL	DOMAIN KECEKAPAN	SKOR	JUMLAH	PERATUS	INTERPRETASI
1	Mengenal diri sendiri	2	11	44	RENDAH
2	Maklumat pekerjaan	1			
3	Pemilihan matlamat/ Pekerjaan	3			
4	Rancangan kerjaya	3			
5	Penyelesaian masalah kerjaya	2			
BIL	KEMATANGAN KERJAYA	JUMLAH SKOR	JUMLAH	PERATUS	INTERPRETASI
1	DOMAIN SIKAP	11	22	44	RENDAH
2	DOMAIN KECEKAPAN	11			

DI SAHKAN OLEH :



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Terima Kasih